

## Dendaan Ke Atas Kanak-Kanak

Mohamed Daud Hamzah  
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan  
Universiti Sains Malaysia

---

Parents may use power-assertion and love-withdrawal strategies to control children's deviant behaviour. This paper focusses only on the use of power-assertion. Furthermore it is limited to the physical punishment techniques within this strategy.

This paper reveals that there is a range of physical punishment techniques starting from very mild reprimand to shouting, pinching, flicking, smacking, flogging and outright physical torturing. It then reports a three-part survey on the extent Malaysian parents employ physical punishment techniques of shouting, pinching, flicking, smacking and flogging.

In the first part, 29 male and 67 female university students were requested to assess retrospectively whether in their young days they had ever been shouted at, pinched, flicked, smacked and flogged. In the second part, 12 male and seven female young unmarried college-trained teachers were requested to make similar assessments. The results of both parts were interpreted to indicate that young children were frequently being shouted at, flogged and pinched rather than being flicked and smacked.

Since most of the subjects involved in the first and second parts described above seem to be from lower middle class homes, the third part of this survey addresses directly a group of 21 male and eight female young lower middle class parents. They were requested to ascertain the extent they actually shouted at, pinched, flicked, smacked and flogged their children. The result reveals that parents preferred to shout at, flog and pinch more than to flick their children. They did not prefer to smack their children.

The results of all parts of this survey, in combination, were interpreted to indicate that Malaysian parents from lower middle class homes prefer to employ physical punishment techniques of shouting, flogging and pinching to control children's deviant behaviour. Consequently, the discussion focusses on the effectiveness of physical punishments to suppress deviant behaviour. It offers a few alternative techniques which are found to be beneficial for use with

children and adolescent of different ages. Finally the discussion also touches on various modifications of physical punishment techniques which have been discovered to provide beneficial effects on children's social and moral development. Hopefully parents who could not avoid using physical punishments might adapt these modified techniques.

## Pengenalan

Ada dua strategi yang digunakan oleh ibu bapa untuk mengawal tingkah laku lengongan yang dilakukan oleh anak-anak mereka. Pertamanya strategi penegasan kuasa dan keduanya strategi unduran kasih. Tiap-tiap strategi yang disebutkan ini merangkumi berbagai teknik yang berlainan. Strategi penegasan kuasa memperlihatkan teknik-teknik di mana ibu bapa mengawal pengeluaran tingkah laku lengongan dengan menggunakan dendaan-dendaan fizikal seperti menampar dan merotan serta kawalan ke atas perolehan bahan-bahan material seperti manahan wang saku dan manahan pemberian makanan. Teknik-teknik lain di dalam strategi ini termasuklah penafian hak-hak tertentu seperti tidak membenarkan kanak-kanak keluar bermain dengan rakan-rakan mereka, dan juga penggunaan kuasa secara direk atau pun ungutan-ungutan. Maka kekuatan strategi penegasan kuasa dalam pengawalan kanak-kanak tentulah terletak di atas keadaan ketakutan kanak-kanak terhadap kesan fizikal dan takberolehan bahan-bahan material yang dikehendakinya.

Strategi unduran kasih pula merangkumi teknik-teknik di mana apabila kanak-kanak mengeluarkan tingkah laku yang diingini ibu bapa akan mempernyatakan kasih-sayang mereka terhadap kanak-kanak. Di sebaliknya jika kanak-kanak mengeluarkan tingkah laku yang tidak diingini ibu bapa mengundurkan pernyataan kasih-sayang dan menunjukkan kebencian mereka. Maka kekuatan strategi ini tentulah terletak kepada ketakutan kanak-kanak terhadap ugutan kehilangan kasih-sayang dari ibu bapa. Contohnya ibu bapa akan mengugut untuk meninggalkan rumah jika kanak-kanak tidak mendengar apa yang dikehendakinya dilakukan (Hoffman, 1970).

Teknik-teknik dendaan yang terdapat di dalam strategi penegasan kuasa boleh dilihat sebagai dendaan-dendaan yang berjulat dari teguran dengan suara yang lembut hingga kepada memukul kanak-kanak dengan teruk. Kertas ini melaporkan tinjauan sepintas lalu mengenai dendaan yang agak kasar yang dikenakan oleh ibu bapa ke atas kanak-kanak muda. Dendaan kasar yang dimaksudkan ini terdiri dari teknik-teknik tengkingan, cubitan, jentikan di telinga, tampaian di pipi dan sebatan dengan rotan.

Tujuan spesifik tinjauan ini ialah untuk menganggarkan sejauh manakah kanak-kanak muda ditengking, cubit, jentik, tampaian dan pukul oleh ibu bapa. Untuk mencapai tujuan ini dianggap memadai juga dengan meninjau subjek-subjek yang telah melalui zaman kanak-kanak dan juga ibu bapa yang mempunyai kanak-kanak muda. Oleh yang demikian tinjauan ini dilakukan dalam tiga bahagian seperti berikut.

## BAHAGIAN I:

### Tujuan

Tujuan tinjauan ini ialah untuk mengetahui secara am sejauh manakah kanak-kanak ditengking, dicubit, dijentik, ditampar dan dipukul oleh ibu bapa.

### Kaedah

**Subjek:** Subjek-subjek terdiri daripada 96 orang pelajar-pelajar universiti. Ada seramai 67 orang perempuan dan 29 orang lelaki dari keturunan Melayu, Cina, dan India.

**Prosedur:** Pengkaji menemui subjek-subjek pada masa mereka menghadiri klas dan meminta mereka menaksir pada masa kecil adakah "selalu", "kadang-kadang" atau "tak pernah" ditengking, dicubit, dijentik, ditampar atau dipukul. Taksiran-taksiran yang diberi kemudian dijadualkan untuk dianalisa.

### Keputusan & Tafsiran

Kekerapan subjek-subjek menaksir tentang kepernahan mereka ditengking, dicubit, dijentik, ditampar atau dipukul, diberi dalam bentuk peratusan bagi subjek-subjek lelaki dan perempuan, adalah seperti berikut:

Jadual 1: **Taksiran oleh pelajar-pelajar universiti tentang kekerapan mereka dikenakan dendaan kasar semasa kanak-kanak**

Jantina	Selalu	Kadang-Kadang	Tak Pernah	Jumlah
Lelaki	31.0%	55.2%	13.8%	100%
Perempuan	11.9%	77.6%	10.5%	100%
Jumlah	17.7%	70.8%	11.5%	100%

Keputusan tinjauan ini menunjukkan 88.5% daripada subjek-subjek menaksir pada masa kecil mereka pernah ditengking, dicubit, ditampar atau dipukul. Subjek-subjek lelaki nampaknya menaksir lebih selalu dikenakan dendaan-dendaan ini daripada subjek-subjek perempuan. Sebahagian kecil daripada subjek-subjek menaksirkan tidak pernah dikenakan dendaan tersebut dan di dalam kumpulan ini tiada perbezaan jantina.

## BAHAGIAN II:

### Tujuan

Tujuan tinjauan ini ialah untuk menaksir jenis-jenis dendaan di dalam Bahagian I yang popular dikenakan kepada kanak-kanak muda.

### Kaedah

**Subjek:** Subjek-subjek terdiri daripada 19 orang guru-guru muda lepasan maktab yang belum berkahwin. Umur purata mereka lebih-kurang 24 tahun. Kesemuanya terdiri daripada 12 orang lelaki dan 7 orang perempuan dari keturunan Melayu, Cina dan India.

**Prosedur:** Pengkaji menemui subjek-subjek dan meminta mereka menaksir pada masa kecil adakah 'selalu', 'kadang-kadang' atau "tak pernah" kena tengking, cubit, jentik, tampar atau pukul. Taksiran mereka dijadualkan untuk dianalisa.

### Keputusan & Tafsiran

Oleh kerana tidak ramai subjek-subjek perempuan maka kesemua taksiran dicantumkan. Berikut adalah taksiran tersebut diberikan dalam jumlah peratusan.

**Jadual 2: Taksiran oleh guru-guru muda tentang kekerapan mereka dikenakan berbagai jenis dendaan kasar semasa kanak-kanak**

Jenis dendaan	Selalu	Kadang-Kadang	Tak Pernah	Jumlah %
Tengking	31.6%	68.4%	0.0%	100
Cubit	5.2%	47.4%	47.4%	100
Jentik	5.2%	26.3%	68.5%	100
Tampar	5.2%	21.1%	73.7%	100
Pukul	10.5%	52.6%	36.9%	100

Keputusan tinjauan ini menunjukkan semua (100%) subjek menaksir pernah ditengking, 63.1% dipukul dan 52.6% dicubit. Sedikit sahaja yang menaksir pernah dijentik (31.5%) dan ditampar (26.3%). Nampaknya ibu bapa gemar menengkin, memukul dan mencubit, tetapi kurang gemar menjentik dan menampar kanak-kanak. Sejauh manakah keputusan ini boleh dipercayai ditinjau seterusnya.

### BAHAGIAN III

#### Tujuan

Tujuan tinjauan ini ialah untuk mengetahui sejauh manakah ibu bapa mengutamakan teknik-teknik dendaan yang telah ditinjau sebelum ini.

#### Kaedah

**Subjek:** Subjek-subjek terdiri daripada 29 orang dewasa yang mempunyai anak-anak (21 lelaki dan 8 perempuan). Mereka terdiri dari keturunan Melayu, Cina dan India. Secara amnya mereka bekerja sebagai pegawai-pegawai spara-iktisas dengan jabatan kerajaan dan terdiri dari kumpulan kelas menengah bawah. Umur purata bagi kesemuanya lebih kurang 35 tahun.

**Prosedur:** Subjek-subjek ditemui dan diminta menaksir sama ada mereka "selalu", "kadang-kadang" atau "tak pernah" menengking, mencubit, menjentik, menampar atau memukul anak-anak mereka. Taksiran-taksiran mereka dijadualkan untuk dianalisa.

#### Keputusan & Tafsiran

Oleh kerana subjek-subjek perempuan tidak ramai, maka taksiran-taksiran dari kedua-dua jantina dicantumkan. Berikut ini adalah taksiran yang dibuat oleh subjek-subjek yang dijadualkan dalam nilai peratusan.

Jadual 3 : **Taksiran oleh ibu bapa tentang kekerapan mereka mengenak berbagai jenis dendaan kasar ke atas anak-anak yang muda.**

Jenis dendaan	Selalu	Kadang-kadang	Tak pernah	Jumlah %
Tengking	20.7%	65.5%	13.9%	100
Cubit	10.3%	48.3%	41.4%	100
Jentik	10.3%	34.5%	55.2%	100
Tampar	3.4%	24.1%	72.5%	100
Pukul	6.9%	55.2%	37.9%	100

Keputusan ini menunjukkan subjek-subjek menaksir yang mereka lebih banyak mengking (86.2%) daripada memberi dendaan-dendaan yang lain. Pilihan yang lain selepas tengkingan ialah memukul (62.1%) dan mencubit (58.6%) anak-anak. Hampir-hampir separuh dari subjek-subjek menaksir pernah menjentik anak-anak (44.8%).

Subjek-subjek menaksirkan menampar anak menjadi pilihan yang amat tidak popular (27.5%).

## PERBINCANGAN

Sekiranya diingatkan 88.5% daripada pelajar-pelajar universiti di dalam sampel menaksir yang mereka pernah ditengking, dicubit, dijentik, ditampar atau dipukul pada masa kanak-kanak dan semua guru-guru muda di dalam sampel menaksirkan pernah ditengking semasa kanak-kanak, keputusan-keputusan ini tentulah sejalan dengan penaksiran 86.2% daripada ibu bapa di dalam sampel bahawa mereka sama ada selalu atau kadang-kadang menengking anak-anak. Samalah juga dengan penaksiran daripada 63.1% guru-guru muda yang bersetuju dengan penaksiran dari 62.1% daripada ibu bapa di dalam sampel bahawa mereka samada selalu atau kadang-kadang memukul anak-anak mereka. Pada asasnya tinjauan ini menunjukkan sebahagian besar daripada kanak-kanak yang muda umurnya menerima dendaan fizikal yang agak kasar daripada ibu bapa. Tentunya ibu bapa tersebut seperti yang tergambar dari sampel datang dari klas menengah bawah.

Penggunaan teknik-teknik penegasan kuasa dalam bentuk dendaan fizikal sebagai penekan ke atas tingkahlaku dikaji dengan binatang-binatang. Ujikaji-ujikaji dengan binatang menunjukkan kesan dendaan bergantung kepada beberapa faktor seperti keamatan, lewat masa di antara pengeluaran tingkahlaku dengan dendaan dan juga pendedahan kepada dendaan-dendaan pada masa-masa lampau. Penjelasan-penjelasan mengenai faktor-faktor ini akan dirujuk kepada Hokanson (1962).

Dari segi keamatan dendaan kajian-kajian menunjukkan tingkahlaku yang tak diingini kian tertekan bersama-sama dengan peningkatan keamatan dendaan seperti berikut:

- a. Dendaan yang ringan hanya menjadikan binatang-binatang mengesan dendaan tersebut sahaja; tiada kesan.
- b. Dendaan yang agak berat sedikit menekan tingkahlaku yang tak diingini buat sementara waktu sahaja. Selepas itu tingkahlaku tersebut akan diulangi.
- c. Dendaan yang lebih berat menekan separuh daripada tingkahlaku yang tak diingin dan memulihkan separuh lagi pada suatu masa nanti.
- d. Dendaan yang terlalu tinggi keamatannya akan menekan tingkahlaku yang tak diingini sepenuhnya tanpa pemulihan semula.

Pengaruh lewat masa antara pengeluaran tingkahlaku yang tak diingini dengan pengenaan dendaan adalah perkara yang amat jelas dan nyata. Jika kesalahan semalam didenda pada hari ini tentulah tiada kesan yang spesifik kepada tingkahlaku uang salah itu. Ujikaji-ujikaji menunjukkan kesan melewatkannya dendaan berlaku secara am kepada tingkahlaku yang lain-lain juga bersama-sama dengan tingkahlaku yang tak diingini itu terutama sekali jika diregukan dengan keamatian dendaan tersebut yang terlalu tinggi.

Dari segi pendedahan kepada dendaan-dendaan pada masa-masa lampau ujikaji-ujikaji mendapati kesan adaptasi atau keupayaan menahan dan menerima dendaan dengan berjaya. Ini dibuktikan jika seseekor binatang dikenakan kejutan elektrik ia akan membina ketahanan kepada kejutan elektrik. Pembinaan ketahanan seperti ini adalah keupayaan semulajadi binatang-binatang (dan juga manusia) supaya organisma-organisma boleh memperkuatkan diri mereka untuk menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran yang sentiasa berubah-ubah. Maka ujikaji-ujikaji menunjukkan sekiranya seseekor binatang dibiasakan dengan suatu keamatian kejutan elektrik lama kelamaan ia akan menyesuaikan diri dengan keamatian tersebut sehingga ia dapat menerima dan menahannya. Apabila ini berlaku dendaan yang berkenaan tidak memberikan kesan apa-apa pun (Hokanson, 1969).

Berpandukan kajian-kajian yang telah dilakukan dengan binatang ada berbagai kajian yang meneliti aspek-aspek yang telah dibincangkan sebelum ini dengan menggunakan kanak-kanak. Penelitian-penelitian ini bertumpu kepada penggunaan strategi penegasan kuasa oleh ibu bapa yang memelihara anak di merata dunia yang kerap ditemui. Merentasi masyarakat dunia didapati dendaan fizikal kerap digunakan dengan kanak-kanak yang muda kerana ibu bapa mempercayai kanak-kanak muda belajar dengan baik melalui penderiaan (Bhanthumnavin, 1985). Penelitian-penelitian yang melibatkan kanak-kanak memperluaskan aspek-aspek yang dikaji yang melibatkan faktor-faktor berikut: Pengketikaan dendaan, keamatian dendaan, ketekalan dendaan, hubungan agen pendenda dengan kanak-kanak yang didenda dan pemberian sebab untuk mendenda. Dengan aspek-aspek kajian yang amat luas maka muncullah berbagai dapatan yang agak konsisten seperti berikut:

Kajian-kajian dengan kanak-kanak muda menunjukkan lebih panjang masa lewatan di antara pengeluaran aksi lencongan dengan dendaan lebih lemahlah kesan dendaan untuk menekan aksi tersebut. Apabila tingkahlaku lencongan didenda dengan lebih teruk lebih kuatlah kanak-kanak menahan godaan untuk mengeluarkannya semula. Denda menjadi teknik yang berkesan jika digunakan oleh ibu bapa yang disayangi oleh kanak-kanak dan pengasih bukan oleh ibu bapa yang bengis. Kanak-kanak nakal yang banyak mengeluarkan tingkahlaku lencongan didapati dalam keluarga yang mana wujud dendaan yang tidak tekal (tidak konsisten): iaitu ada pemberian kasih-sayang, dendaan yang lembut dan dendaan yang amat kasar bercampur-aduk. Dendaan yang digunakan bersama-sama dengan penjelasan mengenai sebab-sebab dikenakan dendaan adalah lebih berkesan daripada hanya memberikan dendaan semata-mata (Parke, 1975).

Selanjutnya kajian-kajian menunjukkan juga teknik-teknik penegasan kuasa jika digunakan dengan perasaan belas kesihan akan menjadi lebih berkesan kepada kanak-kanak muda, jika digunakan dengan menyertakan sebab-sebab dendaan diberikan akan lebih berkesan dengan kanak-kanak yang tua sedikit. Walau bagaimanapun ahli-ahli psikologi memperakukan teknik-teknik psikologi sebagai dendaan yang wajar dengan praremaja dan remaja. Teknik-teknik psikologi adalah seperti pernyataan secara lisan tentang penolakan sesuatu tingkahlaku lengongan, pernyataan sebab-sebab serta penjelasan-penjelasan yang menunjukkan bahawa tingkahlaku lengongan tidak dapat diterima. Teknik-teknik psikologidiandaikan lebih baik daripada bentuk-bentuk teknik yang direk seperti tengkingan dan dendaan-dendaan fizikal lainnya untuk membina keupayaan kawalan-kendiri dan kritikan-kendiri oleh kanak-kanak. Keupayaan-keupayaan ini telah didapati mempunyai perkaitan positif dengan pentaakulan moral yang lebih matang (Densinger, 1978).

Dari aliran-aliran am yang diperolehi menerusi kajian-kajian dengan binatang dan kanak-kanak terpulanglah kepada ibu bapa untuk memelih cara penegasan kuasa yang sesuai. Namun mereka perlu sedar kepada kanak-kanak yang berada di dalam peringkat umur mana sesuai digunakan teknik-teknik penegasan kuasa seperti menengking dan memukul yang popular sebagai teknik dendaan untuk mengawal tingkahlaku lengongan. Bukan sahaja ibu bapa yang terdapat di dalam sampel kajian yang dilaporkan di sini, tetapi ibu bapa-ibu bapa di merata dunia yang datang dari kelas menengah bawah didapati mirip untuk menggunakan teknik-teknik penegasan kuasa yang berbentuk dendaan fizikal untuk mengawal tingkahlaku anak-anak (Suvanathat, Bhanthumnavin, Bhapirom & Keats, 1985). Penggunaan teknik-teknik ini dengan cara yang bijaksana tentulah memberikan kesan yang amat dikehendaki oleh mereka.

### Rujukan

- Bhanthumnavin, D. Moral Development and Child Rearing. Di dalam C. Suvanathat, D. Bhanthumnavin , L. Bhapirom & D. M. Keats (peny), *Handbook of Asian Child Development and Child Rearing Practices*. Bangkok: Burapasilpa, 1985.
- Denziger, K. *Socialization*. NY: Penguin, 1978.
- Hoffman, M.L. Moral Development. Di dalam P.H. Mussen (peny), *Carmichael's Manual of Child Development, Vol 2*. NY: Wiley, 1970
- Hokanson, J.E. *The Physiological Bases of Motivation*. NY: Wiley, 1969.
- Parke, R.D. Some Effects of Punishment on Children's Behavior. Children's Di dalam V. Bronfenbrenner & M.A. Mahoney (peny), *Influences on Human Development*. Hillsdale, ILL: Dryden, 1975.
- Suvanathat, C., Bhanthumanvin, D., Bhapirom, L., & Keats, D.M., (peny). *Handbook of Asian Child Development and Child Rearing Practices*. Bangkok: Burapasilpa, 1985.